

Jabatan Perkhidmatan Awam,  
Malaysia,  
Rumah Persekutuan,  
Kuala Lumpur.

16hb.Jun,1971.

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 8 TAHUN 1971**

**Ujian Khas Bahasa Malaysia Untuk Penyerapan  
Pegawai2 Sementara.**

Tuan,

Sabagaimana yang tuan ma'alum kelulusan dalam Bahasa Malaysia ada-lah sekarang ini di-wajibkan bagi lantekan ka-dalam perkhidmatan Kerajaan, selaras dengan kedudukan bahasa tersebut sebagai bahasa rasmi negara ini.

2. Dengan yang demikian bagi penyerapan pegawai2 sementara ka-dalam perjawatan tetap akan di-jalankan tiada berapa lama lagi, sharat kelulusan bahasa akan juga di-kuatkuasakan.

Bagaimanapun calun2 yang tidak mempunyai kelulusan bahasa itu di-perengkat Sijil Persekolahan/Sijil Rendah Pelajaran mengikut sekim perkhidmatan mereka masing2 akan di-kehendaki dalam suatu ujian membuktikan bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang chukup dalam Bahasa Malaysia untuk membolehkan mereka itu di-serapkan ka-dalam perjawatan tetap. Untuk maksud itu, ujian khas Bahasa Malaysia akan di-adakan bagi penyerapan pegawai2 sementara.

3. Ujian khas bahasa itu akan di-bahagikan kepada 2 bahagian ia-itu:-

- (i) Ujian bertulis yang akan di-adakan pada suatu tarikh yang akan di-tetapkan kelak: markah bagi bahagian ini ia-lah 60% dari markah penoh.
- (ii) Ujian Lisan - meliputi bacaan suatu chabutan dan juga berbual mengenai sasauatu tajok yang di-beri. Ujian akan di-jalankan pada masa temu-duga oleh Surohanjaya Perkhidmatan Perkhidmatan Awam. Markah yang di-untokkan bagi bahagian ini ia-lah 40% dari markah

penoh.

4. Bagi ujian bertulis, 2 kertas akan di-sediakan ia-itu:-

(i) Perengkat A

dan (ii) Perengkat B

Kertas Perengkat A itu ada-lah di-khaskan bagi pegawai2 sementara dalam perkhidmatan2 yang mensharatkan kelulusan kepujian dalam Bahasa Melayu di-perengkat Sijil Persekolahan seperti Jurutrengkas, Jurubahasa dan lain2. Kertas Perengkat B pula ada-lah bagi perkhidmatan yang menghendaki kelulusan kepujian dalam Bahasa Melayu di-peringkat Sijil Rendah Pelajaran serta perkhidmatan lain yang mensharatkan Sijil Persekolahan atau kelayakan2 lain yang hanya menghendaki kelulusan dalam bahasa Malaysia di-perengkat pepereksaan itu.

5. Ada pun kandongan kertas bahasa bagi ujian menuis itu serta chontoh2-nya sekali ada-lah seperti yang terdapat dalam lampiran kapada pekeliling ini.

6. Ketua2 Setia Usaha /Ketua2 Jabatan ada-lah di-minta mengedarkan Surat Pekeliling ini kapada semua pegawai2 sementara di-bawah jagaan-nya supaya kandongannya sampai kapada pengetahuan mereka.

Saya yang menurut perentah,

(BAHARUDDIN BIN ABDUL  
MULUK)

Bahagian Perjawatan,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan  
Awam,  
Malaysia.

Semua Ketua Setia Usaha Kementerian2.

Semua Ketua2 jabatan Persekutuan.

s.k. Yang Berhormat Setia-Usaha2 Kerajaan Negeri, Malaysia Barat.

## LAMPIRAN

### KANDONGAN KERTAS UJIAN BAHASA BERTULIS

Kertas2 Bahasa bagi ujian menulis itu akan mengandungi perkara2 berikut:-

#### **PERENGKAT 'A' (Masa - 1 ½ jam)**

##### **(i) Surat Kiriman/Karangan:**

Chalun2 di-benarkan memilih sama ada hendak membuat karangan/surat kiriman dari tajok2 yang di-beri. Panjang-nya karangan/surat kiriman itu ada-lah lebuh kurang 150 perkataan.

(Markah : 25)

##### **(ii) Kefahaman:**

Potongan karangan akan di-beri dan di-ikuti dengan soalan objective mengenai potongan karangan tersebut bagi maksud menguji kefahaman chalun2 akan perkara2 yang terkandong dalam karangan itu.

(Markah: 20)

##### **(iii) Nahu/ Perbendaharaan Kata:**

Soalan akan di-beri untuk menchari ma'ana satu2 perkataan dan chalun2 akan juga di-uji dalam nahu.

(Markah : 15)

#### **PERENGKAT 'B' (Masa - 1 ½ jam)**

##### **(i) Surat Kiriman:**

Chalon2 akan di-kehendaki menulis surat kiriman dari perkara2 yang di-beri. Karangan tidak akan di-beri untuk perengkat 'B'.

(Markah: 25)

##### **(ii) Kefahaman :**

Potongan karangan akan juga di-sediakan bagi ujian dalam Perengkat 'B' tetapi chabutan yang akan di-beri itu ada-lah lebuh kurang senang daripada Perengkat 'A'. Chalun2 di-kehendaki menjawab soalan2 objective yang di-beri mengenai potongan karangan itu.

(Markah: 20)

##### **(iii) Nahu/ Perbendaharaan Kata:**

Soalan objective akan di-sediakan bagi maksud ini untuk menguji perbendaharaan kata dan hal2 mengenai nahu.

(Markah: 15)

**2. Bidang yang akan di-uji:**

Karangan/Surat Kiriman: Chalun2 akan di-beri tajok2 saperti di-bawah:-

- (i) Lawatan ka-pasar;
- (ii) Suatu kemalangan;
- (iii) Kampong saya; dan lain2.
- (iv) Surat2 kiriman untuk memohon jawatan menjawab surat2 dari pejabat dan surat sa-saorang pegawai kepada pegawai2 lain;

Perkara2 yang patut di-telitikan:

- (a) Panjang-nya karangan atau surat kiriman. Markah tidak di-potong untuk karangan2 yang lebih panjang tetapi markah di-potong kalau terlalu pendek.
- (b) Chalun2 harus meneliti isi atau kehendak tajok dan markah ada-lah di-beri untuk isi, gaya dan bahasa.
- (c) Dalam surat kiriman markah akan di-beri untuk semua bahagian surat kiriman.

3. Selain dari karangan atau surat kiriman chalun2 akan di-kehendaki menjawab soalan2 dalam bentuk objective dalam bidang berikut:

- (a) Satu chabutan pendek akan di-beri di-ikuti oleh soalan2 objectif di-mana di-beri satu kenyataan dan di-ikuti oleh lima jawapan untuk pilihan chalun. Soalan juga mungkin di-beri untuk menchari maana sa-suatu perkataan dalam chabutan tersebut.

**Contoh2**

- (a) "Pada masa ini kemalangan di-jalan raya kerap kali berlaku. Malah di-bandar2 kemalangan yang berlaku itu boleh di-katakan menjadi perkara biasa sahaja. Bila terjadi sa-suatu kemalangan yang dahshat berita itu di-siarkan di-dalam akhbar untuk menginsafkan serta memberi peringatan kapada pengguna2 jalan raya yang berlagak sombong atau lalai".

(i) Tajok yang sesuai untuk chabutan di atas ialah:

- (a) Kenderaan2
- (b) Penggunaan jalan raya
- (c) Kemalangan di-jalan raya
- (d) Pengguna jalan raya
- (e) Orang2 yang lalai.

**Jawapan betul ia-lah (c)**

Chalun2 boleh memilih salah satu dari jawapan yang di-beri. Tetapi pilihan harus di-buat berdasarkan fahaman membacha chabutan itu. Meneka tidak akan menolong chalun2.

(ii) Perkataan dahshat boleh di-ertikan

- (a) malang
- (b) teruk
- (c) berlaku
- (d) ringan
- (e) di-sengajakan

**Jawapan yang betul ia-lah (b)**

(b) Soalan2 juga mungkin di-beri untuk menguji nahu dan pembendaharaan kata.

Chontoh-nya:

(i) Pileh perkataan yang sesuai sekali.

"Kami datang..... majlis itu sudah selesai"

- (a) dan
- (b) tetapi
- (c) malah
- (d) juga
- (e) sebab

(ii) Penjodoh bilangan yang salah ia-lah:-

- (a) sa-bentuk chinchin
- (b) sa-helai kertas
- (c) sa-buah rumah
- (d) sa-batang parang
- (e) sa-ekor burong

**Jawapan yang betul ia-lah (d)**

(iii) Simpulan bahasa yang sesuai untuk menyatakan kueh yang telah lama dan tidak sesuai untuk di-makan ia-lah:

- (a) atas angin
- (b) masok angin

- (c) ada angin
- (d) keluar angin
- (e) naik angin

**Jawapan yang betul ia-lah (b)**